

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
(JELEBU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah aset-aset yang menjaga sempadan perairan negara pada ketika ini mencukupi dalam mengekang kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin dan juga ancaman-ancaman radikal daripada negara jiran.

**JAWAPAN**

Kementerian Pertahanan sememangnya prihatin dengan keselamatan sempadan perairan negara dalam mengekang kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan juga ancaman-ancaman radikal daripada pelaku bukan negara (*non-state actors*). Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mengambil pendekatan secara menunjuk kehadiran yang berkesan di sempadan perairan negara dengan mengatutgerak kapal-kapal dan bot pemintas dalam melakukan rondaan pada setiap masa (24/7).

Bagi melaksanakan tugas rondaan sempadan perairan negara, armada TLDM pada masa kini terdiri daripada 49 buah kapal yang purata umur kapal-kapal kini melampaui tempoh 30 tahun. Justeru, jumlah aset sedia ada adalah tidak mencukupi bagi menjaga perairan Malaysia seluas hampir 600 ribu kilometer persegi. Kos operasi armada TLDM juga terus meningkat setiap tahun akibat dari kos senggaraan yang semakin tinggi.

Lanjutan daripada itu, untuk menampung tempo operasi yang tinggi berikutan dengan peningkatan jenayah rentas sempadan termasuk kemasukan PATI, pendekatan secara *Whole of Government* dengan agensi penguatkuasaan maritim yang lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) telah dilaksanakan. Ianya bagi mengoptimalkan aset-aset dan anggota bagi menjaga sempadan perairan negara. Terima kasih.